A

PP lwn. UMA MAGESWARI PERIASAMY

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ASMADI HUSSIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: AB-42LB(A)-1-04-2018]
29 JANUARI 2019

B

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Pelepasan dan pembebasan – Kesalahan bawah s. 8(1)(c)(ii) Akta Rahsia Rasmi 1972 ('Akta') – Kebocoran kertas soalan peperiksaan – Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes – Sama ada pelantikan saksi sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi dibuat dengan sempurna –*

C

Sama ada mematuhi s. 2B Akta – Sama ada tertuduh bertindak melupuskan bukti – Sama ada kertas soalan diakses semasa masih rahsia rasmi – Sama ada pengetahuan berkaitan soalan peperiksaan dalam telefon dibuktikan – Sama ada tertuduh penerima tidak bersalah – Sama ada hakim bicara menilai kesemua keterangan dengan sewajarnya – Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes

D

melampaui keraguan munasabah – Sama ada perintah pelepasan dan pembebasan wajar digantikan dengan sabitan terhadap kesalahan

Responden dituduh memiliki dokumen rahsia rasmi berupa beberapa suratan kertas soalan mata pelajaran Sains 018 Ujian Penilaian Sekolah Rendah 2014 ('peperiksaan UPSR 2014'), satu kesalahan bawah s. 8(1)(c)(ii) Akta Rahsia

E

Rasmi 1972 ('Akta 88'). Mahkamah Sesyen memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* dan dengan itu, responden dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Rayuan pihak pendakwaan ke Mahkamah Tinggi dibenarkan dan responden diperintahkan membela diri terhadap pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Menurut fakta kes, SP6,

F

Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia ('LPM'), sebaik sahaja mengetahui mata pelajaran Sains untuk peperiksaan UPSR 2014 bocor, melaporkan kejadian itu kepada ketuanya, SP11, Pengarah LPM. Keputusan diambil untuk membatalkan peperiksaan mata pelajaran Sains dan SP11 membuat satu laporan polis. SP11 diberi watikah pelantikan sebagai pegawai

G

pengelas rahsia rasmi oleh Menteri Pendidikan ('eks P18B'). SP12, Pengarah Jabatan Keselamatan, menerima salinan watikah pelantikan SP11 untuk direkodkan dengan Jabatan Keselamatan. Menurut SP12, eks. P18B masih sah digunakan walaupun Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan dengan Kementerian Pelajaran pada ketika itu, kerana tiada perubahan dalam

H

jawatan SP11. Dalam keterangannya, SP11 menyatakan bahawa soalan peperiksaan UPSR 2014 adalah rahsia rasmi bawah kategori 'SULIT' mengikut s. 2B Akta 88. Siasatan polis menjurus pada siasatan ke atas responden sebagai salah seorang suspek. SP8, Penolong Pengarah Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, membuat analisa forensik terhadap telefon bimbit ('eks. P9') yang dirampas daripada responden dan

I

menjumpai tujuh gambar soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 dan tujuh

'carved images' berkaitan soalan peperiksaan yang sama. Responden, dalam pembelaannya, menafikan menyimpan soalan peperiksaan UPSR itu dalam telefonnya dan menyatakan gambar-gambar yang ditemui dalam telefon itu kemungkinan besar diterima melalui aplikasi WhatsApp yang dimuat turun secara automatik dalam 'group chat', serta dihantar tanpa diminta. Responden juga menyatakan dia tidak mengesyaki soalan yang diterima itu ialah soalan sebenar peperiksaan UPSR 2014 kerana soalan peperiksaan sama untuk tahun kebelakangan dan soalan ramalan yang menggunakan format peperiksaan UPSR boleh didapati dengan mudah di kedai-kedai buku dan internet. SD2, ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat yang memberi perkhidmatan kawalan siber antarabangsa, memberi keterangan untuk pihak pembelaan dengan menyatakan, antara lain, imej yang dikeluarkan daripada telefon eks. P9 tidak dapat dipastikan berasal daripada memori telefon atau kad SD. Menurut SD2, apabila suatu gambar dalam telefon dibuka, satu imej yang lebih kecil skalanya akan terbentuk dalam 'thumbnail folder' dan perisian aplikasi yang sedia ada dalam telefon itu akan menyimpan imej yang dibuka. SD2 juga menyatakan terdapat kejanggalan mengenai waktu imej diakses dan dicipta dan menyatakan mustahil imej mempunyai waktu akses sebelum dicipta dan terdapat imej-imej yang tidak mempunyai waktu 'modified', 'access' dan 'create'. SD2 juga menjelaskan bahawa ada kalanya *carved images* tidak sama 100% dengan imej asal yang telah dipadamkan kerana ini bergantung pada apa yang masih boleh dijumpai daripada imej yang telah dipadamkan. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara memutuskan responden berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan dan responden dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. Oleh itu, rayuan ini oleh pihak pendakwaan.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mensabitkan responden dengan kesalahan dan menjatuhkan hukuman penjara selama setahun dari tarikh sabitan):

(1) Hakim bicara melepas dan membebaskan responden di akhir kes pendakwaan berdasarkan penemuan bahawa SP11 tidak dilantik dengan sempurna bawah s. 2B Akta 88 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi atas alasan eks. P18B tidak dibuktikan dicop sendiri oleh Menteri Pendidikan. Namun, hakim bicara gagal mengambil perhatian pada keterangan SP12 yang menyatakan pelantikan SP11 melalui eks. P18A tidak pernah dibatalkan oleh Menteri. Oleh itu, sekalipun eks. P18B tidak dibuat dengan sempurna mengikut peruntukan s. 2B Akta 88, kedudukan SP11 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi tidak pernah terjejas. Mahkamah juga mendapati, tanpa watikah pelantikan daripada Menteri, kuasa SP11 untuk mengelas suatu dokumen sebagai rahsia rasmi diperoleh mengikut peruntukan s. 16A Akta 88. (perenggan 44)

(2) Fakta bahawa telefon eks. P9 adalah milik responden tidak dipertikaikan. 'Carved images' adalah gambar yang telah dipadam dan tindakan memadam gambar-gambar berkaitan dengan soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 adalah relevan bawah s. 8 Akta Keterangan 1950. Tindakan itu menunjukkan responden mempunyai niat dan pengetahuan tentang apa yang diterimanya dan tidak boleh mengatakan dirinya sebagai penerima tidak bersalah. Selanjutnya, berdasarkan tarikh dan masa kesalahan dilakukan, soalan itu diakses sebelum peperiksaan mata pelajaran Sains UPSR berlangsung, iaitu soalan diakses semasa ia masih rahsia rasmi. (perenggan 46 & 48)

(3) Sebagai guru yang sudah bertugas selama tiga tahun sebelum ditangkap, responden sepatutnya dapat membezakan mana satu soalan peperiksaan sebenar UPSR dan mana satu yang bukan. Tindakan memadamkan mesej berupa gambar lebih kepada tindakan melupuskan bukti yang ada dalam telefon. Jika betul responden tiada niat memiliki rahsia rasmi, sebagai seorang guru yang berpegang pada aku janji jawatan, sudah pasti dia akan melaporkan kejadian menerima soalan itu kepada pihak sekolah, atau Jabatan Pendidikan Daerah atau Negeri dan/atau pihak polis. Oleh itu, pembelaan responden bahawa dia tiada pengetahuan berkaitan soalan peperiksaan UPSR dalam telefon itu adalah rekaan semata-mata. Hakim bicara terkhilaf apabila menerima bulat-bulat keterangan responden tanpa menilai kemunasabahan versi yang diberi responden serta membuat inferens yang salah. (perenggan 58)

(4) Hakim bicara terkhilaf apabila menerima keterangan SD2 sedangkan SD2 langsung tidak memberi pandangan bahawa gambar-gambar yang dikeluarkan daripada telefon itu bukan soalan mata pelajaran Sains peperiksaan UPSR 2014. Memandangkan terdapat salah arahan di pihak hakim bicara dalam menganalisa pembelaan responden bersama-sama dengan kes pendakwaan, mahkamah mendapati dapatan fakta tersebut salah. (perenggan 66)

(5) Izin untuk mendakwa bawah s. 15 Akta 88 tidak perlu diberi secara bertulis. Dalam kes ini, meskipun izin mendakwa menyatakan mahkamah yang salah, iaitu, izin diberi untuk perbicaraan di Mahkamah Sesyen Taiping tetapi responden dibicarakan di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar, ini tidak mengubah hakikat bahawa pendakwaan di Mahkamah Kuala Kangsar dikendalikan oleh TPR. Izin mendakwa adalah 'implicit'. Walau bagaimanapun, jika terdapat kecacatan dalam izin mendakwa, kecacatan itu boleh dibetulkan bawah peruntukan s. 422 Kanun Tatacara Jenayah. (perenggan 54-56)

(6) Responden gagal menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan manakala pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah. Oleh itu, perintah pelepasan dan pembebasan oleh hakim bicara digantikan dengan perintah bahawa responden didapati bersalah dan disabitkan atas kesalahan seperti dalam pertuduhan. Responden dijatuhkan hukuman penjara selama setahun dari tarikh sabitan. (perenggan 70 & 71)

Kes-kes yang dirujuk:
Alandu Santhanasamy v. PP [2013] 1 LNS 1019 CA ***(refd)***
Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC ***(refd)***
Chao Yan San v. Yuen Ten Soo [2000] 1 LNS 339 HC ***(refd)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2015] 2 CLJ 145 FC ***(refd)***
Dzulkifli Abdul Hamid v. PP [1980] 1 LNS 91 FC ***(refd)***
Electronic Rentals Pty Ltd v. Anderson [1971] 124 CLR 26 ***(refd)***
Federick Tan Im Kian v. PP [1986] 1 LNS 104 HC ***(refd)***
Goh Keat Peng v. PP [2001] 2 CLJ 498 HC ***(refd)***
Herchun Singh & Ors. v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(refd)***
Ibrahim Mohamed & Anor v. PP [2011] 4 CLJ 113 FC ***(refd)***
Johnson Tan Han Seng v. PP & Other Appeals [1977] 1 LNS 38 FC ***(refd)***
Khairuddin Hassan v. PP [2010] 7 CLJ 129 FC ***(refd)***
Long Samat & Ors v. PP [1974] 1 LNS 80 FC ***(refd)***
Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154 CA ***(refd)***
Mohd Zaireen Zainal lwn. PP [2018] 1 LNS 628 CA ***(refd)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(refd)***
Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Negeri Sabah & Ors v. Multi Inrich Sdn Bhd [2018] 3 CLJ 752 CA ***(refd)***
PP v. Ishak Hj Shaari & Other Appeals [2003] 3 CLJ 843 CA ***(refd)***
PP lwn. Muhammad Nasriq Abdullah [2015] 1 LNS 393 HC ***(refd)***
PP v. Oie Hee Koi & Associated Appeals [1967] 1 LNS 132 PC ***(refd)***
PP v. Phua Keng Tong & Other Appeals [1986] 1 LNS 129 HC ***(refd)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(refd)***
PP v. Sanin Othman [2011] 1 CLJ 626 CA ***(refd)***
PP v. Subbarau [2018] 6 CLJ 583 CA ***(refd)***
Prasit Punyang v. PP [2014] 7 CLJ 392 CA ***(refd)***
State of Maharashtra v. Mayer Hans George 1965 AIR 722 ***(refd)***
Sweet v. Parsley [1970] AC 132 ***(refd)***
Tarmizi Yacob & Anor v. PP & Another Appeal [2010] 8 CLJ 501 FC ***(refd)***
Toh Ah Loh & Mak Thim v. Rex [1948] 1 LNS 72 HC ***(refd)***
Yap You Jee v. PP & Other Appeals [2015] 7 CLJ 897 CA ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 376, 422
Evidence Act 1950, s. 8
Federal Constitution, art. 145(3)
Official Secrets Act 1972, ss. 2B, 8(1)(c)(iii), 15, 16A
Police Act 1967, s. 27C(1)

Bagi pihak pendakwaan - Azhar Mokhtar & Nor Raihan Rithwan; TPR
Bagi pihak responden - Omar Kutty; T/n Kula & Assoc

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Asmadi Hussin PK:

Latar Belakang

[1] Melalui kes No: 61-01-11-2014 Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar, responden dituduh memiliki dokumen rahsia rasmi berupa beberapa suratan kertas soalan mata pelajaran Sains 018 Ujian Penilaian Sekolah Rendah 2014 (peperiksaan UPSR 2014) yang merupakan suatu kesalahan di bawah s. 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Pertuduhan ke atas responden dibaca seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 10 September 2014 jam 12.39 pagi di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Hulu Keruh, dalam Daerah Pengkalan Hulu, dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah ada dalam milikan kamu melalui sebuah telefon pintar jenis Samsung Ace beberapa suratan muka surat kertas soalan Science 018 Ujian Penilaian Sekolah Rendah 2014 yang mana kamu mendapatkannya bersalahan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta tidak berhak menyimpannya; oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[2] Responden menuntut bicara terhadap pertuduhan itu. Semasa kes pendakwaan, seramai 14 orang saksi pendakwaan telah dipanggil memberi keterangan. Pada 25 Julai 2016, di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar (hakim bicara) telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie*. Responden telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Terkilan dengan keputusan hakim bicara itu, Pendakwa Raya telah merayu ke Mahkamah Tinggi melalui kes Rayuan Jenayah AB-42LB(A)-02-08-2016.

[3] Pada 27 Oktober 2017, mahkamah ini telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya terhadap perintah pelepasan dan pembebasan responden. Responden diperintahkan membela diri terhadap pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

[4] Pembelaan responden didengar di hadapan hakim bicara yang sama. Seramai dua orang saksi dipanggil memberi keterangan bagi kes pembelaan, iaitu responden sendiri (SD1) dan seorang saksi pakar, Fong Choong Fook (SD2). Pada 6 April 2018, di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa responden telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Responden telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan untuk kali kedua. Pendakwa Raya (perayu) yang terkilan dengan keputusan itu, merayu ke Mahkamah Tinggi.

[5] Pada 23 November 2018, mahkamah ini setelah membaca rekod rayuan (RR) serta menimbang penghujahan bertulis dan lisan yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi pihak perayu dan peguam bela yang mewakili responden, telah membenarkan rayuan perayu. Berikut adalah alasan kepada keputusan mahkamah ini membenar rayuan perayu.

Kes Pendakwaan

[6] Untuk memudahkan pemahaman, ada moleknya diperturunkan secara ringkas fakta kes.

[7] SP6, Nik Shuhaimi bin Nik Mohd, adalah Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Antara tugas SP6 ialah sebagai pegawai pembina soalan untuk subjek mata pelajaran Sains peperiksaan UPSR. SP6 akan memasang item-item yang dibina oleh panel-panel pembuat soalan UPSR. Kemudian, SP6 akan memilih soalan-soalan yang akan dijadikan kertas soalan mengikut ciri dan spesifikasi yang ditetapkan oleh LPM. Selepas soalan disiapkan, ia akan dihantar ke Percetakan Keselamatan Nasional (PKN) di Putrajaya untuk dicetak. Selesai dicetak, SP6 akan menyemak kertas soalan tersebut bagi memastikan tidak berlaku kesilapan.

[8] Pada 10 September 2014 lebih kurang jam 10.45 pagi, ketika peperiksaan UPSR tahun 2014 sedang berlangsung, SP6 menerima mesej melalui aplikasi WhatsApp yang dihantar oleh seorang guru yang tertugas di Johor bernama Zulkifli bin Miswan. Mesej yang dihantar itu mengandungi keratan kertas soalan peperiksaan UPSR 2014 untuk mata pelajaran Sains. Mata pelajaran Sains untuk peperiksaan UPSR 2014 dijadualkan akan berlangsung pada 11 September 2014 jam 9.15 pagi. Ringkasnya, kertas soalan mata pelajaran Sains peperiksaan UPSR 2014 telah bocor.

[9] SP6 telah melaporkan kejadian kebocoran kertas soalan mata pelajaran Sains itu kepada ketuanya, iaitu Dr. Naimah binti Ishak (SP11), Pengarah LPM. Keputusan telah diambil untuk membatalkan peperiksaan mata pelajaran Sains yang akan diduduki pada 11 September 2014. Pada petang 10 September 2014, SP11 telah membuat satu laporan polis.

[10] SP11 di dalam keterangannya menyatakan bahawa soalan peperiksaan UPSR 2014 adalah rahsia rasmi di bawah kategori "SULIT" mengikut s. 2B Akta 88. SP11 merupakan pegawai pengelas rahsia rasmi. Beliau telah diberikan watikah perlantikan sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi oleh Menteri Pendidikan ketika itu, YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin (Tan Sri Muhyiddin) yang juga merupakan Timbalan Perdana Menteri. SP10, Nor Rasid bin Mohd Ngatikon, Penolong Pengarah di LPM ialah pegawai bertanggungjawab di dalam menjaga dan menulis semua klasifikasi dokumen

rahsia rasmi yang diarahkan oleh SP11 ke dalam buku Daftar Rahsia Rasmi Am 492A (eks. P16). Menurut SP10, perkara yang dimasukkan ke dalam buku daftar itu hanya boleh dibuat oleh SP11 sebagai Pengarah LPM yang dilantik oleh Menteri Pendidikan. SP10 juga bertanggungjawab menyediakan watikah perlantikan SP11 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi di bawah s. 2B Akta 88. Setelah mencetak watikah perlantikan, watikah perlantikan itu akan dihantar ke Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian Pendidikan untuk tandatangan Menteri.

[11] Bertindak atas laporan polis yang dibuat oleh SP11, pihak polis mula menjalankan siasatan.

[12] Siasatan pihak polis membawa kepada siasatan ke atas responden sebagai salah seorang suspek. SP1, Insp Haziq bin Hussin pada masa yang material bertugas sebagai pegawai penyiasat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya. Pada 18 Oktober 2014, SP1 telah diarahkan oleh pegawai penyiasat kes kebocoran soalan UPSR 2014, iaitu SP13, ASP Irwan bin Saimi untuk memanggil responden hadir ke IPD Putrajaya bagi tujuan dirakam percakapan. Apabila responden hadir ke IPD itu, SP1 telah merampas telefon bimbit jenama SAMSUNG Ace eks. P9 (telefon itu) daripada responden. SP13 telah mengarahkan SP1 untuk telefon itu dihantar kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk dibuat analisis forensik. Telefon itu diterima oleh SP4, Mohd Aliffadhli bin Zakaria, Penolong Pengarah Digital Forensik SKKKM pada 27 Oktober 2014. SP4 kemudiannya menyerahkan telefon itu kepada SP3, Muhamad Khir bin Mohamad, Pembantu Teknikal SKMM bagi tujuan penyimpanan sebelum dibuat analisis forensik. Pada 29 Oktober 2014, SP3 telah menyerahkan telefon itu kepada SP8, Mohd Azmil bin Mohamed Nazim, Penolong Pengarah SKMM untuk dibuat analisis. Menurut SP8, beliau diarahkan oleh Ketua Jabatan Forensik Digital SKMM, SP9, Rahmat bin Abu Nong untuk menjalankan analisis forensik ke atas telefon itu. Setelah analisis dijalankan telefon itu disimpan di dalam bilik bahan bukti. Pada 13 November 2014, SP8 mengarahkan SP5, Saiful Ridzwan bin Mat Darus yang bertanggungjawab kepada bilik bahan bukti bersama SP3 untuk menyerahkan telefon itu kepadanya (SP8).

[13] Pada 13 November 2014 itu, SP13 telah mengarahkan SP1 untuk memungut kembali telefon itu daripada SKMM. SP8 telah menyerahkan telefon itu kepada SP1.

[14] SP8 mempunyai Ijazah di dalam bidang Komputer Sains daripada Universiti Kolej Teknologi dan Pengurusan Malaysia pada tahun 2007 dan Diploma Teknologi Maklumat daripada Kolej PTPL, Kajang tahun 2004. Sebagai seorang Penolong Pengarah di SKMM, antara lain, tugas SP8 ialah membantu agensi penguatkuasaan di dalam mengumpul maklumat dan

analisis forensik. SP8 pernah memberi keterangan sebanyak empat kali bagi kes kesalahan hasutan dan tiga kali bagi kes kebocoran soalan peperiksaan UPSR. SP8 telah mendapat latihan seperti berikut (seperti terkandung di dalam *curriculum vitae* (CV), eks. P17):

(i) Data recovery training, Myung, di South Korea – tahun 2012;

(ii) Encase v7 computer forensics 1, di Siaga Informatics, Subang – tahun 2012;

(iii) Encase v7 computer forensics 11, di Siaga Informatics, Subang – tahun 2012;

(iv) Encase Macintosh Linux forensics, di Siaga Informatics, Subang – tahun 2013;

(v) SANS GIAC certified forensics examiner – tahun 2013;

(vi) Phone physical analyst – tahun 2013;

(vii) Cellebrite physical analyst – tahun 2013; dan

(viii) Android and Blackberry forensic, di Wyboston, London – tahun 2014.

[15] SP8 juga ada diserahkan oleh SP13 dengan soalan sebenar mata pelajaran Sains untuk peperiksaan UPSR 2014. Hasil analisis yang dijalankan oleh SP8 ke atas telefon itu, beliau berjaya mengeluarkan data berbentuk video, gambar, dan e-mel daripada telefon itu. SP8 berjaya mengeluarkan 40 gambar dan 94 *carved images* daripada telefon itu. *Carved images* ialah gambar yang telah dipadamkan dari simpanan (stored) telefon itu, tetapi berjaya dikeluarkan. Daripada 40 gambar dan 94 *carved images* tersebut, SP8 menjumpai tujuh gambar soalan Sains 018 UPSR 2014 dan tujuh *carved images* berkaitan soalan peperiksaan yang sama. SP8 telah menyediakan satu laporan yang dikemukakan dan ditandakan sebagai eks. P12.

[16] SP14, Yusran Shah bin Mohd Yusof, adalah bekas Setiausaha Sulit Tan Sri Muhyiddin. Beliau menguruskan segala surat-surat, jadual Menteri, serta dokumen-dokumen untuk tandatangan Menteri. Segala dokumen untuk tandatangan Tan Sri Muhyiddin sebagai Menteri Pelajaran, SP14 sendiri akan membawanya kepada Menteri. Jika dokumen terlalu banyak, Menteri akan mengarahkan SP14 menurunkan cop dengan tandatangan Menteri. Cop tandatangan Menteri tiada di dalam simpanan SP14.

[17] Berkenaan watikah perlantikan SP11 sebagai pegawai pengelas dokumen rahsia rasmi (eks. P18B), SP14 telah menulis satu memo (eks. P21) kepada Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Perdana Menteri untuk cop tandatangan Tan Sri Muhyiddin sebagai Menteri Pelajaran. Apabila, SP14 menerima kembali eks. P18B, SP14 akan menyemaknya terlebih dahulu sebelum menghantarnya kepada bahagian yang berkenaan. SP14 pasti tandatangan di atas eks. P18B adalah cop tandatangan Tan Sri Muhyiddin.

[18] Ekshibit P18B dikeluarkan oleh Tan Sri Muhyiddin sebagai Menteri Pendidikan Malaysia. Menurut keterangan SP11, eks. P18B dikeluarkan setelah Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan dengan Kementerian Pelajaran pada bulan September 2013. Sebelum itu, Tan Sri Muhyiddin, sebagai Menteri Pelajaran telah mengeluarkan watikah perlantikan kepada SP11 sebagai pegawai pengelas dokumen rahsia rasmi di bawah s. 2B Akta 88 melalui eks. P18A. Menurut SP11, eks. P18A tidak pernah dibatalkan, meskipun berlaku petukaran nama kementerian. SP14 yang biasa dengan tandatangan Tan Sri Muhyiddin memberi keterangan bahawa tandatangan di dalam eks. P18A adalah tandatangan Tan Sri Muhyiddin sendiri.

[19] SP12, Julaila binti Engan, ialah Pengarah Jabatan Keselamatan (JK). Menurut SP12, fungsi JK ialah memberi khidmat nasihat tentang pengurusan rahsia rasmi Kerajaan, meliputi bagaimana proses untuk menguruskan dokumen terperingkat di bawah Akta 88 dan Peraturan Keselamatan. SP12 di dalam keterangannya menyatakan bahawa SP11 dilantik sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi bawah s. 2B Akta 88 sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 2011 dan 2013. SP12 mendapat salinan watikah perlantikan SP11 untuk direkodkan dengan JK. Menurut SP12, eks. P18A masih sah digunakan kerana tidak ada perubahan di dalam jawatan SP11. Ekshibit P18B dikeluarkan untuk tujuan formality memandangkan terdapat perubahan di dalam nama kementerian akibat penggabungan dua kementerian menjadi satu yang sekarang dikenali sebagai Kementerian Pendidikan.

[20] SP7, Rosman bin Abas, adalah Pengurus Kanan di PKN. PKN dipertanggungjawabkan untuk mencetak dokumen keselamatan Kerajaan, termasuklah soalan peperiksaan UPSR tahun 2014. Semua kakitangan yang terlibat dengan percetakan kertas soalan peperiksaan perlu mengangkat sumpah dan mengisi borang tapisan keselamatan. Kakitangan terbabit perlu membuat pengisytiharan maklumat peribadi termasuk mengenai anak-anak. Terdapat 54 buah kamera litar tertutup (CCTV) di PKN. Pekerja-pekerja terlibat dengan percetakan akan memakai uniform yang tidak berpoket, dan semua peralatan serta gajet tidak boleh dibawa masuk ke bilik percetakan. Kertas soalan yang siap dicetak akan disimpan di dalam bilik kebal di PKN sebelum dibuat penghantaran ke seluruh Malaysia dengan diiringi oleh pasukan polis. SP7 mengesahkan bahawa kebocoran soalan peperiksaan UPSR 2014 tidak berlaku di premis PKN. SP7 tidak mengetahui bagaimana kebocoran itu boleh berlaku.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[21] Hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie*. Natijahnya, responden telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. Alasan yang diberikan oleh hakim bicara di dalam alasan penghakiman adalah seperti berikut.

[22] Perlantikan SP11 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi melalui eks. P18B adalah tidak sah kerana watikah itu tidak ditandatangani sendiri oleh Tan Sri Muhyiddin sebagai Menteri Pendidikan Malaysia. Sekiranya, watikah itu dicop dengan cop tandatangan Menteri, perbuatan mengecop itu mestilah dilakukan sendiri oleh Menteri berkenaan. Seksyen 2B Akta 88 memperuntukkan seperti berikut:

> A Minister, the Menteri Besar, or the Chief Minister of a state may appoint any public officer by a certificate **under his** hand to classify any official document, information or material as "Top Secret, "Secret", "Confidential" or "Restricted", as the case may be. (penekanan ditambah)

[23] Sebagai sokongan, hakim bicara memetik keputusan kes *Electronic Rentals Pty Ltd v. Anderson* [1971] 124 CLR 26 di mana diputuskan:

> To be under his hand means, I take it, that it must bear his signature … But when a document is required by statute to be under a man's hand or signed by him what is ordinarily means is that he must personally sign it, with his name or his mark, by pen or by stamp.

[24] Adalah menjadi dapatan hakim bicara di dalam keadaan perlantikan SP11 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi adalah tidak sah, pengelasan soalan peperiksaan UPSR 2014 yang dibuat oleh SP11 sebagai rahsia rasmi juga tidak sah dan terbatal.

[25] Hakim bicara selanjutnya memutuskan bahawa pihak pendakwaan tidak boleh bergantung kepada eks. P18A kerana Kementerian Pelajaran tidak lagi wujud ketika kertas soalan peperiksaan UPSR 2014 mata pelajaran Sains itu dikelaskan sebagai rahsia rasmi. Kerana itu, watikah baru eks. P18B dibuat untuk melantik semula SP11 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi di bawah s. 2B Akta 88.

[26] Hakim bicara juga memutuskan terdapat penglibatan pihak lain di dalam pembocoran soalan mata pelajaran Sains peperiksaan UPSR 2014. Tidak diketahui siapakah yang mula-mula sekali membocorkan soalan tersebut. Malahan, tambah hakim bicara, SP13 sebagai pengawai penyiasat tidak dapat mencari punca kebocoran soalan tersebut. Siasatan yang dijalankan adalah tidak lengkap.

[27] Pihak pendakwaan juga gagal membuktikan kesalahan dilakukan pada masa dan tempat yang dinyatakan di dalam pertuduhan, iaitu pada 10 September 2014 jam 12.39 pagi di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Keruh, dalam Daerah Pengkalan Hulu, Negeri Perak.

[28] Atas rayuan perayu, keputusan hakim bicara melepas dan membebaskan responden di akhir kes pendakwaan telah diakaskan oleh mahkamah ini. Mahkamah ini mengarahkan responden membela diri.

A **Pembelaan Responden**

[29] Responden menjadi guru pada tahun 2011. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk pelajar Tahun 2 dan mata pelajaran Tamil untuk pelajar di Tahun 6. Beliau tidak pernah mengajar mata pelajaran Sains UPSR untuk tahun 2014, mahupun menggubal soalan UPSR, apatah lagi
B bekerja dengan LPM. Responden hanya menyedari tentang kebocoran soalan peperiksaan UPSR 2014 setelah menerima panggilan telefon daripada Insp Veknaswaran dari IPD Putrajaya pada sekitar jam 7 hingga 8 malam 17 Oktober 2014. Beliau diminta hadir ke IPD itu keesokan harinya. Apabila responden tiba di IPD itu, pihak polis memintanya menyerahkan telefon itu
C serta komputer riba miliknya. Selepas itu, responden dibenarkan pulang ke rumah. Pada 26 November 2014, pegawai polis yang sama menelefon beliau sekali lagi. Responden diarahkan untuk pergi ke IPD Kuala Kangsar pada 27 November 2014. Pada 27 November 2014, responden dimaklumkan tentang penemuan soalan peperiksaan UPSR di dalam telefon itu. Responden
D seterusnya dimaklumkan beliau akan didakwa di mahkamah.

[30] Responden di dalam keterangannya telah menafi bahawa beliau menyimpan soalan peperiksaan UPSR mata pelajaran Sains di dalam telefon itu. Menurut responden lagi, gambar-gambar yang ditemui di dalam telefon itu berkemungkinan besar diterima melalui aplikasi WhatsApp yang dimuat
E turun secara automatik bila dihantar ke telefon itu oleh rakan-rakan di dalam group chat. Menurut responden lagi, beliau tidak boleh mengawal apa-apa yang dihantar melalui aplikasi WhatsApp kerana imej yang dihantar akan dimuat turun secara automatik. Beliau juga kononnya jarang memeriksa setiap gambar yang diterima. Beliau mengatakan beliau tidak pernah
F meminta sesiapa menghantar soalan peperiksaan UPSR 2014 mata pelajaran Sains kepadanya. Tambah responden, beliau tidak pernah mendengar berlaku kebocoran soalan UPSR. Beliau juga tidak mengesyaki soalan yang diterima itu ialah soalan sebenar peperiksaan UPSR 2014 kerana soalan peperiksaan yang sama untuk tahun kebelakangan dan soalan ramalan/spot
G question yang menggunakan format peperiksaan UPSR boleh didapati dengan mudah di kedai buku dan internet.

[31] Seterusnya, responden menyatakan bahawa sekiranya beliau mengetahui imej-imej yang ada di dalam telefon itu adalah soalan sebenar UPSR, pastinya beliau tidak akan menghantarnya kepada mana-mana orang
H lain dan akan terus melaporkan kepada pihak polis.

[32] SD2 merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengarah profesional bagi syarikat yang dikenali sebagai LGMS. LGMS memberi perkhidmatan kawalan siber antarabangsa yang meliputi perundingan kawalan siber, pentaksiran, penyiasatan jenayah komputer, digital forensic dan juga latihan.
I Bidang pengkhususan SD2 ialah penetrating, testing, dan digital forensic.

SD2 telah terlibat selama 18 tahun dalam profesion sekarang. SD2 juga pernah memberi keterangan di mahkamah. Beliau mendakwa keterangan beliau diterima oleh mahkamah.

[33] Menurut SD2, beliau mempunyai pengalaman mengendalikan perisian Cellebrite Physical Analyzer Version 4 dan mempunyai dua sijil dari pengeluar perisian tersebut. Sijil berkenaan ialah Cellebrite Certified Physical Analyst dan Cellebrite Certified Logical Operator. Menurut SD2, SP8 menggunakan perisian Cellebrite Physical Analyzer Version 4 di dalam menjalankan analisis untuk menyuraikan (extraction) data daripada telefon itu. SD2 mengatakan laporan forensik eks. P12 yang disediakan oleh SP8 adalah cacat atas alasan berikut:

(i) tidak mempunyai formal executive summary;

(ii) tidak mempunyai perincian dari segi pendekatan deskripsi dan penyuraian;

(iii) tidak mempunyai metodologi forensik;

(iv) tidak mempunyai kesimpulan.

[34] Pada pandangan SD2, eks. P12 hanya merupakan laporan yang sekadar menyenaraikan kandungan *carved images* yang dijumpai di dalam telefon yang dibuat analisis forensik. Berdasarkan eks. P12, SD2 tidak dapat memastikan imej yang dikeluarkan daripada telefon itu berasal daripada memory telefon, atau kad SD. Menurut SD2 lagi, apabila suatu gambar di dalam telefon bimbit dibuka, satu imej yang lebih kecil skalanya akan terbentuk di dalam thumbnail folder dan perisian aplikasi (application soffware) yang sedia ada di dalam telefon itu akan menyimpan (save) imej yang dibuka itu.

[35] Menurut SD2 lagi, terdapat kejanggalan mengenai waktu akses kepada imej dan waktu imej dicipta. Sebagai contoh, imej 1 dalam ms. 19 eks. P12 menunjukkan imej diakses pada 10 September 2014 jam 12 pagi, sedangkan imej itu dicipta pada 12.40 petang. Menurut SD2 adalah mustahil imej tersebut mempunyai waktu akses sebelum fail imej itu diciptakan. Selain itu, tambah SD2 terdapat imej-imej lain yang tidak mempunyai waktu modified, access dan create.

[36] Tentang *carved images*, SD2 menjelaskan bahawa ada kalanya *carved images* tidak akan sama 100% dengan imej asal yang telah dipadamkan kerana ia bergantung kepada apa yang masih boleh dijumpai dari imej yang telah dipadamkan itu.

[37] SD2 juga menyokong keterangan responden bahawa aplikasi WhatsApp mempunyai fungsi media auto download di mana pengguna tidak boleh mengawal apa yang dimuat turun di dalam telefon bimbit setelah dihantar oleh pihak ketiga kepada pengguna tersebut.

Alasan Penghakiman Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan

[38] Hakim bicara memutuskan bahawa pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan atas alasan berikut.

[39] Hakim bicara menerima keterangan responden bahawa beliau tidak boleh mengawal media yang dihantar oleh pengguna aplikasi WhatsApp yang lain ke aplikasi yang sama ke telefon bimbit responden lantaran terdapatnya auto download. Menurut hakim bicara, kedudukan responden adalah sama seperti SP6 dan SP11.

[40] Kandungan eks. P12 telah berjaya dicabar oleh pihak pembelaan melalui keterangan SD2. Setelah meneliti keterangan SD8 dan SD2 sebagai saksi pakar, hakim bicara memutuskan pendapat yang diberikan oleh SD2 telah berjaya menyangkal keterangan SP8. Dalam memberi sebab kenapa beliau menerima keterangan SD2, hakim bicara menyatakan bahawa pengalaman SD2 jauh mengatasi pengalaman SP8. Menurut hakim bicara, SP8 baru berusia 33 tahun semasa memberi keterangan, sedangkan SD3 sudah mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan. Selebihnya, hakim bicara mengulangi kembali kecacatan dan kejanggalan yang disenaraikan oleh SD2 bersabit eks. P12.

[41] Menurut hakim bicara, responden tidak boleh dikatakan memiliki dokumen rahsia rasmi hanya sekadar kehadiran dokumen itu di dalam telefonnya, walhal imej-imej tersebut dihantar tanpa kehendak responden. Dan, meskipun dipadam, imej itu masih kekal di dalam telefon itu. Responden yang tidak terlibat dengan pengajaran mata pelajaran soalan yang dikatakan bocor itu tidak menyangka tentang kewujudan imej kertas peperiksaan di dalam telefon bimbitnya kerana sudah terbiasa dengan rutin sebagai seorang guru, iaitu meminta para pelajarnya membaca topik yang lazim menjadi topik peperiksaan, mencuba soalan bagi tahun yang lepas, soalan ramalan dan percubaan UPSR di mana soalan-soalan tersebut menggunakan format peperiksaan yang sama dan mudah diperolehi.

Analisa Dan Penemuan Mahkamah Ini

[42] Pertamanya ingin dicatitkan di sini bahawa apabila mahkamah ini telah mengakas keputusan hakim bicara melepas dan membebaskan responden dan mengarahkan responden membela diri, hakim bicara mesti menganggap pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* seolah-olah keputusan itu dibuat oleh dirinya sendiri (lihat keputusan kes *Yap You Jee v. PP & Other Appeals* [2015] 7 CLJ 897; [2015] MLJU 0316).

[43] Mahkamah ini juga merujuk kepada penghakiman Mahkamah Rayuan di dalam kes *PP v. Sanin Othman* [2011] 1 CLJ 626; [2011] 5 MLJ 716 di mana di ms. 632 (CLJ); ms. 270-271 (MLJ) diputuskan seperti berikut:

> At the end of the case for the prosecution, the charge of murder was indeed amended to one of culpable homicide not amounting to murder and punishable under the first limb of s. 304 of the Code ('the first trial'). A charge of attempted robbery under s. 393/397 of the Code was also added. The respondent pleaded guilty to both charges. He was convicted and sentenced to 12 years imprisonment for the amended charge and six years imprisonment and six strokes of the rotan for the additional charge. Both sentences were ordered to run concurrently. The prosecution appealed against the decision and the Court of Appeal ('the COA') allowed the appeal on 19 January 2009. The COA ordered defence to be called under the original charge of s. 302 of the Code.
>
> When defence is directed to be called by an appeal court the trial judge must accept that a *prima facie* case has been proven. It is as if the defence was called by the learned judge himself (*Saad bin Abas & Anor v. Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 129; [1998] 4 CLJ 575). Only after he has gauged the total evidence adduced, inclusive of all the evidence adduced at the prosecution's stage, and tested as against the defence evidence may the fate of the accused person be decided by the court. In short there will be a maximum evaluation of the whole evidence at the close of the defence.

[44] Teras keputusan hakim bicara di dalam melepas dan membebaskan responden di akhir kes pendakwaan adalah bersandarkan kepada penemuan beliau bahawa SP11 tidak dilantik dengan sempurna di bawah s. 2B Akta 88 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi atas alasan eks. P18B tidak dibuktikan telah dicop sendiri oleh Tan Sri Muhyiddin sebagai Menteri Pendidikan. Namun, hakim bicara telah gagal mengambil perhatian kepada keterangan SP12 yang menyatakan perlantikan SP11 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi melalui eks. P18A tidak pernah dibatalkan oleh Menteri. Oleh itu, sekalipun eks. P18B tidak dibuat dengan sempurnanya mengikut peruntukan s. 2B Akta 88, kedudukan SP11 sebagai pegawai pengelas rahsia rasmi melalui eks. P18A tidak pernah terjejas. Mahkamah ini juga mendapati tanpa watikah perlantikan daripada Menteri, kuasa SP11 untuk mengelas suatu dokumen sebagai rahsia rasmi diperolehi mengikut peruntukan s. 16A Akta 88. Seksyen 16A itu memperuntukkan seperti berikut:

> A certificate by a Minister or a public officer charged with any responsibility in respect of any Ministry, department or any public service or the Menteri Besar or the Chief Minister of a State or by the principal officer in charge of the administrative affairs of a State certifiying to an official document, information or material that it is an official secret shall be conclusive evidence that the document, information or material is an official secret and shall not be questioned in any court on any ground whatsoever.

[45] Adalah tidak dipertikaikan bahawa SP11 telah mengelaskan soalan peperiksaan Sains UPSR 2014 di dalam eks. P16 sebagai rahsia rasmi. SP11 adalah pengarah LPM yang bertanggungjawab untuk menjalankan peperiksaan bagi sekolah di Malaysia. Oleh itu, peruntukan s. 16A Akta 88 telah dipenuhi. Di dalam kes *PP v. Subbarau* [2018] 6 CLJ 583 di mana Pendakwa Raya merayu terhadap perintah pembebasan dan pelepasan tertuduh di dalam kes itu penggunaan s. 16A Akta 88 telah dibangkitkan oleh pihak perayu kes itu berkenaan kelayakan saksi yang sama mengelas dokumen rahsia rasmi. Mahkamah Rayuan menerima hujahan tersebut. Mahkamah Rayuan memutuskan:

> [18] Upon a perusal of the appeal record and after hearing of submission of the counsel, we are in agreement with the submission of the learned DPP.

[46] Mahkamah ini juga mendapati bahawa semasa SP8 menjalankan analisisnya, beliau menemui tujuh keping gambar dan tujuh keping *carved images soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 di dalam telefon itu, eks. P9. Fakta* bahawa telefon itu adalah telefon responden adalah tidak dipertikaikan. *Carved images* merupakan gambar yang telah dipadam. Pastinya sebagai orang mempunyai milikan telefon itu, responden merupakan orang yang memadamkan gambar-gambar soalan Sains peperiksaan UPSR 2014. Tidak ada cadangan dibuat kepada saksi-saksi pendakwaan bahawa gambar-gambar itu dipadamkan oleh orang lain. Tindakan memadam gambar-gambar berkait dengan soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 adalah relevan di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950 (*Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717; *Khairuddin Hassan v. PP* [2010] 7 CLJ 129). Tindakan itu menunjukkan responden mempunyai niat dan pengetahuan tentang apa yang diterimanya dan tidak boleh mengatakan dirinya sebagai penerima yang tidak bersalah (innocent recipient) (*Dzulkifli Abdul Hamid v. PP* [1980] 1 LNS 91; *Federick Tan Im Kian v. PP* [1986] 1 LNS 104). Responden mempunyai tanggungan untuk menjelaskan tentang pemadaman gambar-gambar soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 di dalam telefon miliknya itu. Di dalam kes *PP v. Subbarau (supra)* isu ini juga dibangkitkan oleh Pendakwa Raya sebagai perayu kes itu dan hujahan itu diterima oleh Mahkamah Rayuan sebagaimana yang dipetik di atas.

[47] Mahkamah ini juga mendapati hakim bicara telah terkhilaf apabila beliau mempersoalkan kuasa Pendakwa Raya untuk memulakan pendakwaan jenayah terhadap responden, sedangkan orang lain yang mempunyai soalan peperiksaan yang sama tidak dituduh. Hakim bicara telah terkhilaf bila mana gagal memberi pertimbangan kepada kuasa pendakwaan yang diberikan oleh undang-undang kepada Pendakwa Raya di bawah s. 376 Kanun Tatacara Jenayah dan per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan (lihat kes-kes *Long Samat & Ors v. PP* [1974] 1 LNS 80; *Johnson Tan Han Seng v. PP & Other Appeals*

[1977] 1 LNS 38; [1977] 2 MLJ 66; *Chao Yan San v. Yeun Ten Soo* [2000] 1 LNS 339; [2000] 3 AMR 3057; dan *Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Negeri Sabah & Ors v. Multi Inrich Sdn Bhd* [2018] 3 CLJ 752).

[48] Mengenai tarikh dan masa kesalahan dilakukan, keterangan SP8 jelas menunjukkan bahawa soalan itu diakses di dalam telefon itu pada 10 September 2014, iaitu sebelum peperiksaan mata pelajaran Sains UPSR berlangsung pada jam 9.15 pagi 11 September 2014. Ketika soalan itu diakses ia masih merupakan rahsia rasmi.

[49] Atas alasan-alasan di atas mahkamah ini telah memanggil responden membela diri.

[50] Adalah menjadi prinsip yang mantap bahawa di akhir kes pembelaan, hakim bicara perlu menimbang keseluruhan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan di dalam membuat keputusan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah (*Prasit Punyang v. Public Prosecutor* [2014] 7 CLJ 392; [2013] 1 LNS 974; [2014] 4 MLJ 282). Pembelaan responden perlu dilihat bersama-sama dengan kes pendakwaan. Untuk berjaya, responden hanya perlu membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Tentang maksud keraguan munasabah, di dalam kes *Public Prosecutor v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16, Sharma H memutuskan seperti berikut:

> It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.

[51] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Mohd Zaireen Zainal lwn. PP* [2018] 1 LNS 628 memutuskan seperti berikut:

> [27] Untuk memperolehi pelepasan dan pembebasan, perayu tidak perlu meyakinkan mahkamah bahawa keterangan perayu adalah lebih dipercayai dari keterangan pihak pendakwaan. Walaupun mahkamah tidak mempercayai pembelaan perayu, tetapi jika pembelaan itu menimbulkan keraguan yang munasabah ia sudah memadai untuk membolehkan perayu dilepas dan dibebaskan (*Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263, *PP v. Saimin & Ors v. PP* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16, *Balachandran v. Public Prosecutor* [2005] 1 CLJ 85).

[52] Pembelaan responden bersifat serampang dua mata. Pertamanya, responden mendakwa soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 dihantar kepada aplikasi WhatsApp group chatting telefon itu tanpa diminta. Kemudian, mesej berupa gambar yang dihantar dimuat turun secara automatik oleh

perisian di dalam telefon. Responden mendakwa beliau tidak tahu soalan itu merupakan soalan sebenar mata pelajaran Sains peperiksaan UPSR 2014 kerana beliau tidak mengajar mata pelajaran itu dan bentuknya yang sama dengan soalan-soalan ramalan, percubaan dan peperiksaan tahun kebelakangan yang boleh didapati dengan mudah di kedai dan internet. Keduanya, analisis yang dijalankan oleh SP8 adalah cacat dan tidak boleh diterima.

[53] Di dalam penghujahannya, peguam bela responden membangkitkan satu isu baharu yang tidak pernah dibangkitkan sebelum ini, iaitu berkait izin mendakwa. Menurut s. 15 Akta 88, pendakwaan di bawah Akta itu mestilah dengan keizinan Pendakwa Raya. Peguam bela mengatakan bahawa izin mendakwa tersebut adalah cacat memandangkan pertuduhan ke atas responden diberi izin untuk dibicarakan di Mahkamah Sesyen Taiping, walhal responden dibicarakan di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar. Oleh itu, perbicaraan di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar adalah tidak sah dari mula (nullity).

[54] Mahkamah ini mendapati izin yang diperlukan di bawah s. 15 Akta 88 tidak perlu diberikan secara bertulis. Seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> 15(1) Any prosecution for an offence under this Act shall not be instituted except by or with consent of the Public Prosecutor.

[55] Kedudukan rayuan semasa ini berbeza dengan kes *Goh Keat Peng v. PP* [2001] 2 CLJ 498, di mana Zulkefli Ahmad Makinudin H (sebagaimana masa itu) memutuskan bahawa pendakwaan bersabit pertuduhan di bawah s. 27C(1) Akta Polis adalah tidak sah tanpa izin bertulis Pendakwa Raya kerana Akta tersebut memperuntukkan dengan jelas izin bertulis diperlukan. Peguam bela seterusnya berhujah prinsip *implicit consent*, sepertimana keputusan kes *PP v. Oie Hee Koi & Associated Appeals* [1967] 1 LNS 132 tidak boleh digunakan memandangkan responden dituduh di mahkamah lain dan bukannya di mahkamah sebagaimana dinyatakan di dalam izin yang dikeluarkan. Mahkamah ini mendapati meskipun izin mendakwa yang dikeluarkan menyatakan mahkamah yang salah, ia tidak mengubah hakikat bahawa pendakwaan di Mahkamah Kuala Kangsar dikendalikan oleh TPR. Mahkamah ini bersependapat dengan hujahan TPR bahawa izin mendakwa adalah *implicit* di dalam keadaan kes ini di mana pendakwaan dikendalikan oleh TPR sebagaimana keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Tarmizi Yacob & Another v. PP & Anor Appeal* [2010] 8 CLJ 501 di mana antara lain diputuskan:

> The law was concisely and correctly summarised by Yong Pung How CJ (Singapore) in *Garmez s/o Pakhar & Anor v. PP* [1995] 3 SLR 701, when he said at p. 720:

> The settled Malaysia position has been to consider a deputy public prosecutor as being capable of exercising all the right and power of the public prosecutor … it follows this proposition that where prosecution is conducted by a DPP, the consent of the public prosecutor is implicit and no further written consent of the public prosecution is required … .

[56] Apapun kecacatan di dalam izin mendakwa yang dikeluarkan, jika ada sekalipun, (mahkamah ini mendapati tiada) boleh diubati (curable) di bawah peruntukan s. 422 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Seksyen itu dibaca seperti berikut:

> 422. Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of:
>
> (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial, or in any inquiry or other proceedings under this Code;
>
> (b) the want of any sanction; or
>
> (c) the improper admission or rejection of any evidence, unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice

[57] Mahkamah ini mendapati tidak berlaku kegagalan dari segi keadilan memandangkan perbicaraan adalah mematuhi peruntukan KTJ (*PP v. Ishak Hj Shaari & Other Appeals* [2003] 3 CLJ 843). Responden telah mendapat perbicaraan yang adil dan berpeluang untuk membela diri. Ketika di Mahkamah Sesyen beliau diwakili oleh peguam bela yang amat berkebolehan dan mempunyai reputasi tinggi di bidang guaman.

[58] Peguam bela berhujah bahawa *mens rea* menjadi salah satu inti pati pertuduhan di bawah s. 8 Akta 88. Oleh itu, adalah menjadi tanggungan pihak pendakwaan untuk membuktikan *mens rea* (*State of Maharashtra v. Mayer Hans George* 1965 AIR 722; *Sweet v. Parsley* [1970] AC 132; *PP v. Phua Keng Tong & 2 Other Appeals* [1986] 1 LNS 129; [1986] 2 MLJ 279 dirujuk). Apatah lagi, konsep pemilikan memerlukan seorang itu mempunyai pengetahuan (*Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] 22 MLJ 237; *Ibrahim Mohamad & Anor v. PP* [2011] 4 CLJ 113; *Toh Ah Loh & Mak Thim v. Rex* [1948] 1 LNS 72; [1949] MLJ 54). Mengenai pembelaan responden bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan bersabit soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 yang dihantar ke telefon itu melalui group chatting di dalam aplikasi WhatsApp kerana dimuat turun secara automatik, serta dihantar tanpa diminta, mahkamah ini mendapati pembelaan tersebut adalah tidak munasabah. Sebagai guru yang sudah bertugas selama tiga tahun sebelum ditangkap, mahkamah ini percaya responden dapat membezakan

A mana satu soalan peperiksaan sebenar UPSR dan mana satu yang bukan. Tindakan memadamkan mesej berupa gambar lebih kepada tindakan untuk melupuskan bukti yang ada di dalam telefon tersebut. Jika betul, responden tidak mempunyai niat untuk memiliki rahsia rasmi, sebagai seorang guru yang berpegang kepada aku janji jawatan, pastinya beliau akan melaporkan
B kejadian menerima soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 kepada pihak sekolah, atau Jabatan Pendidikan Daerah atau Negeri dan/atau pihak polis untuk tindakan lanjut. Mahkamah ini seterusnya mendapati, sebagaimana diakui responden, gambar-gambar soalan itu dihantar melalui group chatting. Berdasarkan fakta itu, pada hemat mahkamah ini adalah mustahil gambar
C dihantar tanpa apa-apa mesej perbualan dalam kalangan ahli group chatting itu. Peserta di dalam group chatting yang disertai oleh responden pastinya akan mengulas gambar-gambar yang diterima. Setidak-tidaknya responden sebagai seorang yang amanah sebagaimana dakwaan beliau, pastinya beliau akan menyatakan bantahan atau keluar daripada group chating yang sedang berkongsi material yang menyalahi undang-undang. Tiada keterangan
D responden telah bertindak sedemikian. Oleh itu, mahkamah ini mendapati pembelaan responden bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan berkaitan soalan Sains peperiksaan UPSR 2014 di dalam telefon itu adalah rekaan beliau semata-mata. Hakim bicara telah terkhilaf apabila menerima keterangan responden bulat-bulat tanpa menilai kemunasabahan versi yang
E diberikan oleh responden serta membuat inferens yang salah. Kegagalan menilai versi responden dengan sewajarnya merupakan suatu salah arahan yang memerlukan campur tangan mahkamah ini.

[59] Peguam bela responden berhujah bahawa hakim bicara telah dengan betulnya menerima keterangan SD2 sebagai saksi pakar yang lebih
F berpengalaman daripada SP8. TPR pula berhujah bahawa SD2 merupakan *armchair expert* berbanding dengan SP8 menganalisa sendiri kandungan telefon itu. Di dalam CV yang dikemukakan, SD2 tidak menyatakan kelayakan akademiknya dalam bidang digital forensic, mahupun pernah menyediakan laporan pakar atau memberi keterangan di mahkamah
G berkenaan subjek yang sama. Di dalam CVnya, SD2 juga tidak menyatakan beliau pernah menjalani apa-apa kursus di dalam bidang digital forensic, sedangkan SP8 pernah menjalani kursus sebagai *forensic examiner*. Apa yang dilakukan oleh SD2 ialah memberi komen mengenai laporan yang disediakan oleh SP8.

H **[60]** Di dalam alasan penghakimannya, hakim bicara semasa membuat dapatan bahawa keterangan SD2 telah berjaya mematahkan keterangan SP8 memutuskan seperti berikut:

I

[61] Jika dilihat di dalam kes *PP lwn. Lam San (supra)*, kes berkenaan juga menyatakan "the Court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, **unless** it is inherently incredible or **the defence calls evidence in rebuttals by another expert to contradict the opinion**" (ayat-ayat bertanda hitam diberi penekanan).

[62] Jika dilihat dalam ekshibit D28 iaitu *curriculum vitea* SD2 dinyatakan antara kelayakan SD2 ialah Certified Cellebrite Logical Analyst dan Certified Cellebrite Physical Analyst.

[63] Menurut SD2 berdasarkan mukasurat 1 ekshibit P12 iaitu Digital Forensic Case Report yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) dinyatakan peralatan yang digunakan oleh SKMM di dalam membuat analisa terhadap telefon bimbit OKT ialah Cellebrite Physical Analyzer 4. Oleh itu, peralatan berkenaan bukanlah asing kepada SD2 dan oleh itu beliau berhak memberikan komen atau menyangkal P12.

[64] Berdasarkan D28 juga dinyatakan SD2 dilahirkan pada tahun 1976 dan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang keselamatan maklumat. Oleh itu, jika dibandingkan dengan SP8 yang menyediakan P12 di mana SP8 berumur 33 tahun sewaktu memberi keterangan dan lahir pada 19.12.1982 (No. Kad Pengenalan: 821219-14-5132) maka Mahkamah tidak teragak-agak untuk mengatakan pengalaman SD2 adalah lebih luas.

[61] Berikutnya, hakim bicara telah menyenaraikan pandangan SD2 bahawa eks. P12 tidak sempurna.

[62] Perlu dicatitkan di sini bahawa SD2 tidak pernah di dalam keterangan atau laporannya mengatakan analisa yang dijalankan oleh SP8 tidak menepati atau gagal mematuhi mana-mana piawaian antarabangsa yang diterima bersabit pemeriksaan forensik ke atas peralatan storan media. Juga, kecacatannya analisis SP8 yang dikatakan itu hanya pertama kali timbul semasa kes pembelaan. SP8 tidak pernah dicabar tentang kecacatan analisis yang ditimbulkan semasa kes pendakwaan untuk membolehkan SP8 memberikan komennya. Hakikatnya, semasa pemeriksaan balas SP8 hanya ditanya satu soalan sahaja. Ini boleh ditemui di ms. 36 RR jld 2A di mana soalan balas tersebut adalah seperti berikut:

Soal Balas:

J: 3 kali keterangan di Mahkamah berkenaan kes UPSR. 2 di Seremban dan 1 di Kuala Kangsar.

Soal Semula:

Tiada.

[63] Mengenai pembelaan yang pertama kali dibangkitkan semasa kes pembelaan, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR bahawa pembelaan itu merupakan satu rekaan terkini sebagaimana keputusan kes *Megat Halim Megat Omar v. PP* [2009] 1 CLJ 154 di mana antara lain diputuskan:

> Although in our criminal jurisdiction, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to the gulit, it is trite that his defence should be put to the prosecution at the early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought or a recent invention as happened on this case.

[64] Hakim bicara telah gagal mengambil kira bahawa tohmahan bahawa analisis dan laporan SP8 adalah cacat dibangkitkan buat pertama kalinya semasa kes pembelaan. Oleh itu, SP8 tidak berpeluang untuk mempertahankan keterangan dan laporan yang beliau berikan. Kegagalan pihak pembelaan mencabar keterangan yang diberikan oleh SP8 merupakan suatu penerimaan kepada keterangan SP8. Kegagalan hakim bicara untuk menimbang hal ini merupakan suatu salah arahan secara tiada arah diri yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini.

[65] Hakim bicara juga gagal mengambil kira fakta bahawa SD2 telah memeriksa telefon itu berbanding dengan SP8. SD2 hanya mengulas laporan yang disediakan oleh SP8, sedangkan keterangan SP8 tidak dicabar dan dianggap telah diterima. SD2 juga tidak berpeluang membandingkan gambar-gambar yang ditemui di dalam telefon itu dengan soalan sebenar mata pelajaran Sains peperiksaan UPSR 2014. Sepatutnya, hakim bicara menilai keterangan SD2 dengan penuh waspada dan tidak tenggelam di dalam ketakjuban beliau kepada CV SD2. Di kesempatan ini, mahkamah ini ingin merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2015] 2 CLJ 145; [2015] 1 LNS 71 yang mengulas mengenai keberatan yang hendak diberikan kepada keterangan pakar yang memeriksa barang kes dan keterangan pakar yang sekadar mengulas laporan pakar yang dibuat oleh pakar yang memeriksa barang kes di mana mahkamah tertinggi negara menyatakan:

> [212] With regard to the credibility of DW2 and DW4, the Court of Appeal stated as follows:
>
> > [155] ... The learned trial judge turned an indulgent eye upon the evidence of DW2 and DW4 when he should have treated them with caution. There was a total failure of any observation with regard to credibility ...
> >
> > [156] Of no less serious error on the part of the learned trial judge, was the failure to reason out the basis for his acceptance and preference for these two defence experts which is an integral part of the analysis and evaluation of evidence by a presiding judge.

> [157] ...
>
> [158] ... In our view, the reception by the learned trial judge of the defence expert witnesses' evidence is not objective and is one sided ...
>
> [213] Having considered the evidence of DW2 and DW4, we agree with the findings of the Court of Appeal in rejecting their evidence for the following reasons:
>
> (a) Both DW2 and DW4 had not done any tests on the samples but merely interpreted and made observations of the findings of PW5 and PW6. Whereas, PW5 and PW6 had personally carried out the DNA analysis on the samples.
>
> (b) As regards his proficiency, DW4 had his last proficiency test in 2004, seven years prior to the trial. On the other hand, PW5 and PW6 had undergone proficiency tests once every six months.
>
> [214] For the above reasons, we hold that the evidence of DW2 and DW4 has not raised any reasonable doubt on the prosecution's case.

[66] Pada dapatan mahkamah ini, hakim bicara telah terkhilaf di dalam menerima keterangan SD2 sedangkan SD2 langsung tidak memberi pandangan bahawa gambar-gambar yang dikeluarkan daripada telefon itu bukan soalan mata pelajaran Sains peperiksaan UPSR 2014. Di dalam keadaan terdapatnya salah arahan di pihak hakim bicara di dalam menganalisa pembelaan responden bersama dengan kes pendakwaan, adalah menjadi penemuan mahkamah ini bahawa beliau dengan hormatnya telah membuat dapatan fakta yang salah.

[67] Adalah menjadi prinsip undang-udang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak dengan mudah akan mengubah dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara melainkan terdapat sebab wajar untuk berbuat demikian. Mahkamah ini merujuk kepada penghakiman kes *Herchun Singh & Ors. v. Public Prosecutor* [1969] 1 LNS 52; [1969] 1 MLRA 382 (FC) seperti berikut:

> An Appellate Court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at the Judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding: see *Sheo Swarup v. King Emperor* AIR [1934] PC 22 ...

[68] Prinsip dalam kes di atas telah berulang kali diikuti oleh beberapa kes-kes yang lain, seperti kes *Public Prosecutor v. Muhammad Nasriq Abdullah* [2015] 1 LNS 393; [2015] MLRHU 322, [2014] 3 MLJ 380 di mana mahkamah memutuskan bahawa:

Ianya juga adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mencampuri keputusan mahkamah rendah terhadap penemuan sebarang fakta kecuali penemuan fakta tersebut adalah salah (sila rujuk kepada kes: *Gobinath Reddy a/l Gopal v. Public Prosecutor* [2014] 5 CLJ 275; [2014] 1 MLJ 446 dimana kemudiannya diikuti dalam kes: *Reza Malek Zadeh Sahabali v. Public Prosecutor* [2014] 1 LNS 1873; [2012] MLRHU 1815, [2014] 3 MLJ 380) yang memutuskan sebagaimana berikut:

> The present appeal is substantially factual. The learned judge has considered and evaluated the evidence before him and found that the defence has failed to raise a reasonable doubt in the prosecution case. We find no errror that warrants appellate intervention. **In any case, an appellate court should be slow in interfering with the trial judge's findings of fact.** On the totality of the evidence we are of the view that there is sufficient evidence to support the findings of the learned judge that the appellant is guilty as charged.

[69] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Alandu Santhanasamy v. Public Prosecutor* [2013] 1 LNS 1019; [2013] MLRAU 371, melalui Hamid Sultan bin Abu Backer HMR memperingatkan:

> It is well settled that in the hands of the trier of facts to assess the quality of evidence and to determine whether the evidence on record justices a conviction. In so doing it the court orders an acquittal or conviction it cannot be set aside by the appellate court unless it records a finding that the view taken by the trial court was not a possible reasonable view of the evidence on record (See *Pramod Mandal v. State of Bihar (SC)* [2004] 4 LRI 24; *PP v. Thenegaran a/l Murugan* [2013] 4 CLJ 364; [2013] 3 MLJ 328).

Kesimpulan Dan Keputusan

[70] Sebagaimana alasan-alasan yang dibincangkan sebelum daripada ini, mahkamah dengan ini memutuskan bahawa responden telah gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Oleh itu, pihak pendakwaan dengan ini diputuskan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Rayuan perayu dibenarkan. Perintah pelepasan dan pembebasan yang dibuat oleh hakim bicara digantikan perintah bahawa responden didapati salah dan disabitkan kesalahan sepertimana pertuduhan.

Hukuman

[71] Setelah mendengar hujahan kedua-dua belah pihak mengenai hukuman, mahkamah ini menjatuhkan hukuman penjara selama setahun ke atas responden bermula daripada tarikh sabitan. Hukuman tersebut ialah hukuman penjara minima yang diperuntukkan oleh undang-undang. Meskipun kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah serius,

mahkamah ini memberi pertimbangan kepada jasa bakti responden di dalam mendidik anak bangsa. Tetapi, perlu ditekankan di sini hasrat murni untuk membantu pelajar tidak boleh dilakukan dengan cara melanggar undang-undang seperti yang dilakukan oleh responden dan yang lainnya yang dituduh bersabit pemilikan soalan peperiksaan UPSR 2014. Atas permohonan peguam bela, mahkamah ini telah membenarkan penggantungan perlaksanaan hukuman penjara sementara menanti pelupusan rayuan yang bakal difailkan oleh responden ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan keputusan mahkamah ini.